

# Maritim tahan 79 bot nelayan

Sinar Harian 1/6/2018 m/s 20

**Ceroboh perairan  
Terengganu,  
Pahang dan  
Kelantan  
sepanjang tahun**

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

**A**gensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim)

Wilayah Timur telah berjaya menahan 79 bot nelayan asing yang menceroobh perairan Terengganu, Pahang dan Kelantan sepanjang tahun ini.

Pengarah Maritim Wilayah Timur, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, dari

pada jumlah tersebut, 33 tangkapan dibuat di Terengganu, 30 di Pahang manakala selebihnya di Kelantan.

Menurutnya, tangkapan terbaharu dibuat kelmarin oleh kapal KM Segantang melibatkan tiga bot nelayan Vietnam di tiga lokasi berbeza pada jarak antara 45 hingga 52 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

"Ketiga-tiga bot ini ditahan kerana menceroobh perairan negara dan me-



Zulkarnain (dua, kanan) menunjukkan sebahagian hasil tangkapan bot nelayan asing yang ditahan Maritim.

nangkap ikan tanpa kebenaran dari Ketua Pengarah Perikanan selain disyaki memalsukan dokumen dan nombor pendaftaran bot tempatan bagi mengaburi mata pihak berkuasa," katanya pada sidang media semalam.

Hadir sama Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Rahim Ramli.

Hasil tangkapan itu, pihaknya menahan 40 awak-awak dan tekong berusia antara 18 hingga 50 tahun kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah selain

merampas hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan bernilai hampir RM3.6 juta.

Kesemua bot itu dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 Akta Perikanan 1985 kerana men-

info

Lapor sebarang maklumat dan salah laku ke talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Terengganu di talian 09-6224357

ceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dan Seksyen 15(1)(a) dan Seksyen 14 (3) akta sama.

Sementara itu Zulkarnain berkata, pihaknya akan menyiasat taktik pemalsuan lesen dan permit menangkap ikan yang dilihat kerap kali digunakan nelayan asing sejak kebelakangan ini.

Katanya, penggunaan dokumen palsu menjadi modus operandi terbaharu nelayan asing menceroobh perairan negara namun ia tetap dapat dikesan oleh Maritim.